

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah penglibatan usahawan luar bandar di dalam projek Digital Free Trade Zone sehingga kini dan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan mereka tidak tercicir dari arus ekonomi digital.

JAWAPAN

Tuan yang Dipertua

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Inisiatif Zon Perdagangan Bebas Digital atau "*Digital Free Trade Zone*" (DFTZ) merupakan inisiatif strategik yang bertujuan untuk meningkatkan eksport Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan ke luar negara serta menjadikan Malaysia sebagai hab *Fulfilment* eDagang serantau. Sehingga kini, sebanyak 6,229 PKS tempatan yang telah berdaftar serta menyertai pelbagai program bagi tujuan menempatkan produk mereka di dalam platform pasaran maya atau *eMarketplaces* serantau dan global.

2. Inisiatif DFTZ ini juga telah melahirkan banyak PKS Bumiputera yang telah berjaya mempelopori pasaran luar negara. Antara kisah kejayaan PKS Bumiputera tempatan ini adalah seperti:

- Syarikat Perfume Heaven yang telah berjaya untuk pertama kali mengeksport produk mereka pada 2018 dengan nilai eksport sebanyak RM10 juta. Sehingga April 2019, syarikat ini telah

mencatatkan nilai eksport sebanyak RM10 juta. Antara pasaran yang telah ditembusi termasuk Jepun, Jerman dan Maldives.

- Koperasi Usahawan Groom Big (KUGPIS) dari negeri Perlis yang telah mengeksport produk tempatan seperti kopi dan kuih tradisional ke Ghana, Pakistan, Hong Kong, Mesir, Filipina dan Afrika Selatan dengan nilai eksport lebih RM2.3 juta.

- Syarikat Fikriz yang telah mula menggunakan platform Alibaba untuk mengeksport produk kopi pra-campuran bermula tahun 2004. Sehingga April 2019, syarikat ini telah mencatatkan nilai eksport sebanyak RM3 juta dan antara pasarnya termasuk Amerika Syarikat, Hong Kong dan Turki.

3. Walaupun penyertaan PKS tempatan ini kebanyakannya tertumpu di Selangor dan Kuala Lumpur iaitu sebanyak lebih 70% daripada jumlah keseluruhan; namun penyertaan PKS dari negeri-negeri lain termasuk dari luar bandar masih pada kadar yang baik. Sebagai contoh, penyertaan dari PKS Sabah mewakili sebanyak 6.6%; PKS dari Johor sebanyak 5.1%; PKS dari Perak sebanyak 2.9%; dan PKS dari Kedah sebanyak 1.7%.

4. Dalam usaha menarik lebih banyak penyertaan khususnya di kalangan PKS bumiputera dan luar bandar, melalui kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Usahawan, MITI dan agensi terlibat seperti SME Corp dan MATRADE, MDEC telah mengadakan sesi taklimat dan penerangan DFTZ melalui pertubuhan dan persatuan PKS bumiputera dan setempat seperti Persatuan Perniagaan Bumiputera (PPBM) dan rakan teknologi eDagang seperti Jocom.my, eLOKALcom.my, produkSarawak.com dan www.borneokaki.com.